

Permintaan yang tinggi ke atas telur, mampu jana pendapatan penduduk

Kajian komersial landak laut

Oleh ZAAIN ZIN

utusanabah@utusan.com.my

SAMARAHAN 6 Mac - Landak laut yang mudah ditemui di pesisir pantai terutama di Sabah berpotensi menjana pendapatan kepada masyarakat setempat sekiranya diuruskan secara mapan.

Penyelidik Fakulti Sains dan Teknologi Sumber Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), Dr. Siti Akmar Khadijah Ab. Rahim berkata, untuk mengenal pasti landak laut yang mempunyai nilai komersial, pihaknya melakukan kajian terperinci di Sabah baru-baru ini.

Antara yang dikaji katanya, termasuklah populasi dan musim pembiakan haiwan itu.

"Hasil kajian awal menunjukkan biodiversiti landak laut lebih banyak di Sabah berbanding di Semenanjung dan ia dikenali dengan beberapa nama tempatan serta mempunyai beberapa spesies berlainan," katanya di sini hari ini.

Siti Akmar Khadijah yang juga Pensyarah Kanan Jabatan Sains Akuatik berkata, maklumat dan pengetahuan tentang landak laut di negara ini masih kurang berbanding beberapa negara lain seperti Jepun dan Amerika Syarikat (AS) yang mempunyai pengurusan perikanan secara mapan.

Di Sabah katanya, landak laut dikutip tanpa sebarang kawalan oleh penduduk tempatan sehingga



LANDAK laut berduri pendek dipanggil tehe-tehe ini mudah diperolehi di Sabah dan dijual secara terbuka di pasar-pasar di seluruh negeri itu.

boleh menjejaskan sumber haiwan tersebut untuk jangka panjang.

"Landak laut berpotensi untuk dibangunkan di perairan Sabah, namun kita tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada kapasiti sum-

ber liar yang semakin berkurangan.

"Oleh itu, penternakan menerusi penghasilan benih tiruan mungkin boleh dikembangkan pada masa hadapan seperti yang dilakukan di Pusat Penyelidikan Perikanan Jepun,"

kata beliau.

Landak laut yang berbentuk hampir bulat dan berduri biasanya menghuni dasar laut terutama di kawasan terumbu karang. Telur haiwan ini mempunyai permintaan sa-

ngat tinggi di pasaran antarabangsa.

Landak laut berduri panjang dikenali sebagai 'tayum' dan 'bebuta' manakala yang berduri pendek pula dipanggil 'tehe-tehe' oleh penduduk Sabah.